



GOLF BERPASUKAN



PERATURAN DAN SYARAT PERTANDINGAN

GOLF BERPASUKAN

1.0 NAMA

Pertandingan ini dinamakan

“KEJOHANAN GOLF BERPASUKAN SUKAN MARA SEMALAYSIA 2026”

2.0 TEMPAT DAN TARIKH PERTANDINGAN

Tarikh : 31 Ogos 2026

Tempat : Darulaman Golf & Country Club, Kedah

Masa Tee-Off : 8.15 pagi

3.0 PENGANJURAN

3.1 Selain daripada peraturan-peraturan yang terkandung dalam dokumen ini, pertandingan akan dijalankan mengikut Rules of Golf dan Rules of Amateur Status yang diluluskan oleh The R&A, serta Local Rules Darulaman Golf & Country Club. Kelayakan Pemain yang mewakili Negeri juga tertakluk kepada Peraturan Induk Jawatankuasa Pertandingan Sukan MARA Semalaysia.

3.2 Sebarang perkara yang tidak diperuntukkan dalam peraturan ini akan diputuskan oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan Golf Sukan MARA Semalaysia.

3.3 Sebarang perselisihan teknikal akan diputuskan oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan Golf Sukan MARA Semalaysia berdasarkan Peraturan Golf Antarabangsa.

3.4 Semua keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan Golf Sukan MARA Semalaysia adalah muktamad.

4.0 PENYERTAAN

4.1 Penyertaan adalah terbuka kepada semua pegawai dan kakitangan MARA (termasuk subsidiari), lelaki dan wanita. Peserta yang menyertai acara golf tidak tertakluk kepada penyertaan dalam acara sukan lain dan dibenarkan mewakili kontinjen masing-masing dalam sukan-sukan lain.

- 4.2 Setiap kontinjen hendaklah mendaftarkan sekurang-kurangnya TIGA (3) orang pemain bagi membentuk satu pasukan.
- 4.3 Pengurusan Tertinggi MARA dan Mantan Pengurusan MARA adalah dibenarkan untuk mewakili Kontinjen Negeri Perlis tertakluk kepada syarat-syarat penyertaan yang ditetapkan.
- 4.4 Setiap kontinjen dibenarkan menghantar lebih daripada satu pasukan.
- 4.5 Pengiraan keputusan adalah seperti berikut:
 - 4.5.1 Kategori Berpasukan – jumlah skor tiga (3) pemain dalam satu pasukan akan diambil kira.
 - 4.5.2 Kategori Individu – keputusan berdasarkan pencapaian individu setiap pemain.
 - 4.5.3 Pengiraan mata kepada kontinjen yang menyertai sukan golf hanya kategori berpasukan.

5.0 PENDAFTARAN PASUKAN

- 5.1 Tarikh tutup pendaftaran adalah pada atau sebelum 21 Ogos 2026.
- 5.2 Bayaran penyertaan adalah sebanyak RM 250.00 bagi seorang golfer. Bayaran dibuat ke Akaun Bank : 09010000465718, Bank Muamalat, atas nama Badan Kebajikan MARA Perlis. Selepas bayaran dibuat resit perlu dihantar ke nombor 017-225 7062 (WhatsApp).

6.0 TAKLIMAT PENGURUS PASUKAN

- 6.1 Taklimat kepada pengurus-pengurus pasukan akan diadakan pada **29 OGOS 2026 jam 8.30 malam di MRSM Arau, Perlis.**
- 6.2 Pengurus Pasukan dikehendaki mengemukakan senarai akhir pemain yang telah didaftarkan berserta dengan dokumen-dokumen yang disahkan dan mestilah ditandatangani oleh Ketua Kontinjen atau Pengurus Pasukan setiap negeri. Senarai nama pemain yang didaftar dan diserahkan semasa taklimat pengurus pasukan adalah muktamad.
- 6.3 Sebarang pertambahan atau pertukaran pemain selepas tarikh tutup pendaftaran adalah tidak dibenarkan.
- 6.4 Senarai pemain yang disahkan semasa Taklimat Pengurus Pasukan adalah muktamad.

7.0 PAKAIAN PEMAIN

- 7.1 Semua pemain hendaklah memakai pakaian golf yang bersesuaian seperti baju berkolar dan seluar panjang atau seluar golf yang dibenarkan.
- 7.2 Pemakaian seluar jeans adalah tidak dibenarkan.
- 7.3 Kontinjen digalakkan mencetak logo atau nama MARA Negeri masing-masing pada pakaian pasukan.

8.0 PERATURAN PERTANDINGAN

- 8.1 Pertandingan dijalankan mengikut peraturan The R&A Rules of Golf dan Local Rules Darulaman Golf & Country Club.
- 8.2 Format pertandingan adalah System 36 Stableford bagi 18 lubang.
- 8.3 Semua pemain hendaklah bermain mengikut jadual tee-off yang ditetapkan oleh pihak penganjur.
- 8.4 Pemenang akan ditentukan berdasarkan jumlah mata tertinggi yang diperoleh.
- 8.5 Semua pemain hendaklah melaporkan diri di tee-box masing-masing selewat-lewatnya lima (5) minit sebelum masa tee-off.

9.0 SUSUNAN PERMAINAN (FLIGHT)

- 9.1 Susunan pemain (flight) yang telah ditetapkan adalah muktamad.
- 9.2 Sekiranya berlaku ketidakhadiran pemain pada hari pertandingan, sebarang perubahan flight adalah tertakluk kepada keputusan Jawatankuasa Pengelola.

10.0 PENENTUAN PEMENANG

Pertandingan Golf Sukan MARA Semalaysia 2026 dipertandingkan dalam kategori Individu Lelaki, Individu Wanita dan Berpasukan Negeri menggunakan format 18 lubang *System 36 Stableford/HOTD (Handicap of the day)*

- 10.1 Penentuan Pemenang Berpasukan Negeri
 - Setiap pasukan hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnya TIGA (3) orang pemain.
 - Jumlah mata Stableford tiga (3) orang pemain dalam sesuatu pasukan akan diambil kira sebagai keputusan rasmi pasukan.
 - Pasukan yang memperolehi jumlah mata Stableford tertinggi akan diisytiharkan sebagai Johan.
- 10.2 Keputusan Seri Berpasukan

Jika dua atau lebih pasukan memperoleh jumlah mata yang sama, penentuan dibuat mengikut turutan berikut:

- Jumlah mata pemain terbaik dalam pasukan.
- Jika masih seri, jumlah mata pemain kedua terbaik.
- Jika masih seri, jumlah mata pemain ketiga terbaik.
- Jika masih seri, On Count Back (Last 9, Last 6, Last 3 dan Last Hole) pemain terbaik.
- Jika masih seri, keputusan Jawatankuasa Teknikal adalah muktamad.

10.3 Penentuan Pemenang Individu

- ❖ Pemenang individu ditentukan berdasarkan jumlah mata Stableford Tertinggi bagi 18 lubang.
- ❖ Semua pemain bermain menggunakan System 36 Stableford.
- ❖ Keputusan rasmi hendaklah memaparkan kedudukan 10 pemain terbaik.

10.4 Keputusan Seri Individu

Sekiranya berlaku keputusan seri, kedudukan akan ditentukan menggunakan kaedah On Count Back (OCB) mengikut turutan:

- Last 9 Holes
- Last 6 Holes
- Last 3 Holes
- Last Hole
- Keputusan Jawatankuasa Teknikal (jika masih seri)

Semua keputusan Jawatankuasa Teknikal Pertandingan Golf Sukan MARA Semalaysia 2026 adalah MUKTAMAD.

11.0 PERTIKAIAN DAN KERAGUAN

- 11.1 Semua pertikaian hendaklah dirujuk kepada Peraturan Golf The R&A dan Local Rules pertandingan.
- 11.2 Jawatankuasa Pengelola berhak membuat pindaan atau menambah peraturan tambahan yang bersesuaian dengan objektif penganjuran.
- 11.3 Sebarang keputusan Jawatankuasa adalah muktamad.

12.0 PERTANDINGAN TERGENDALA

- 12.1 Sekiranya pertandingan tergendala akibat cuaca atau sebab-sebab lain sehingga permainan 18 lubang tidak dapat diselesaikan, Jawatankuasa Pengelola berhak menentukan kaedah lain yang difikirkan sesuai bagi menentukan pemenang.
- 12.2 Keputusan Jawatankuasa Pengelola adalah muktamad.

13.0 BANTAHAN

- 13.1 Sebarang bantahan hanya boleh dikemukakan oleh Pengurus Pasukan.
- 13.2 Bantahan hendaklah dibuat secara lisan kepada Pengadil bertugas dan seterusnya dikemukakan secara bertulis kepada Pengerusi Jawatankuasa Teknikal Pertandingan Golf dalam tempoh tidak melebihi tiga puluh (30) minit selepas tamat pertandingan.
- 13.3 Setiap bantahan hendaklah disertakan dengan wang pertaruhan sebanyak RM500.00 (Ringgit Malaysia: Lima Ratus Sahaja).
- 13.4 Wang bantahan tidak akan dikembalikan sama ada bantahan diterima atau ditolak.
- 13.5 Bantahan berkaitan kelayakan pemain hanya boleh dibuat semasa Mesyuarat Pengurus Pasukan.
- 13.6 Keputusan Jawatankuasa Bantahan dan Rayuan adalah muktamad.

14.0 JAWATANKUASA BANTAHAN

Jawatankuasa Bantahan adalah terdiri daripada:

- Pengerusi: Presiden Kelab Golf MARA
- Setiausaha: Koordinator Jawatankuasa Pertandingan Golf
- Ahli: Pegawai Teknikal Golf (Darulaman Golf & Country Club)
- Ahli: Referee/Pengadil (Darulaman Golf & Country Club)

Semua keputusan Jawatankuasa Bantahan adalah muktamad.



**BORANG PENDAFTAR PEMAIN
GOLF BERPASUKAN**

KONTINJEN : _____

	NAMA	NO. GAJI	NO. H.P.
PENGURUS PASUKAN			

BIL	NAMA PEMAIN	NO. GAJI
1.		
2.		
3.		
4.		

Ketua Kontigen

Pengurus Pasukan

.....
Nama :

.....
Nama :

.....
Tarikh